

09/02/2003

Membina semula kemusnahan Lubnan

Mior Kamarul Shahid

SEJARAH mencatatkan Lubnan menghadapi kancah perang saudara selama 15 tahun, diburukkan lagi dengan pencerobohan Israel. Kesan peperangan ini masih dapat disaksikan hari ini, walaupun sebahagian besarnya sudah pun dibangunkan semula.

Projek kemudahan asas, lapangan terbang, bangunan pejabat, hotel dan sebagainya, musnah. Peperangan itu menyebabkan Lubnan menghadapi hutang yang amat besar menyukarkan jentera pembangunan negara itu digerakkan sekiranya tidak mendapat bantuan asing.

Bumi Lubnan menjadi padang jarak padang tekukur sejak 1975 berikutan meletusnya konflik yang berpunca dari faktor dalaman dan luaran.

Ketidakstabilan wilayah dan konflik dengan negara jiran menyebabkan Lubnan

menghadapi krisis politik dan ekonomi yang teruk. Pada 1978 dan 1982, pertempuran berlaku, diburukkan dengan dua pencerobohan tentera Israel. Banyak nyawa yang terkorban dan pembangunan yang dibina di Lubnan termasuk

di Beirut, musnah. Hanya pada 1989, berikutan Perjanjian Taif yang ditandatangani di Arab Saudi, pertempuran tentera berakhir pada Oktober 1990. Hanya pada 1992, pilihan raya Parlimen dapat diwujudkan selepas 20 tahun negara itu mengharungi kancah kesengsaraan.

Perdana Menteri Lubnan, Rafic Hariri yang juga Presiden Majlis Menteri-

Menteri, meneraju negaranya bagi mengharungi Lubnan ke arah era pasca perang untuk membina semula Lubnan terutamanya Beirut. Keutamaan kerajaan

ialah menstabilkan pound Lubnan dan membina prasarana asas seperti menyediakan bekalan air, elektrik, komunikasi dan membersihkan Beirut daripada serpihan perang.

Pada 1993, kerajaan Lubnan membela nasib rakyatnya yang terbangun untuk kembali ke negara mereka dengan menubuhkan sebuah kementerian khas. Pada Mei 1994, projek pembinaan semula wilayah tengah Beirut dilancarkan, menandakan bermulanya satu pembangunan semula sebuah wilayah di Timur Tengah. Pembinaan semula Beirut begitu penting bagi Lubnan kerana ia adalah "nadi" bagi rakyat negara itu.

Walaupun pembangunan semula sudah bermula, namun pada 25 Julai 1993, Israel melancarkan serangan bom selama tujuh hari ke atas Lubnan dan orang

awam menyebabkan satu mesyuarat negara-negara Arab diadakan di Damascus bagi mendapatkan sokongan negara-negara Arab kepada Lubnan. Berikutan peristiwa 1996 yang mana beratus orang awam terbunuh di Qana, selatan Lubnan, satu kempen diplomatik dijalankan untuk memberhentikan serangan Israel yang akhirnya menyebabkan gencatan senjata.

Majlis bagi Pembangunan dan Pembinaan Semula Lubnan (CDR), sebuah agensi

kerajaan, ditubuhkan sejak 1977 lagi dan disusun semula pada 1991. Ia bertanggungjawab merumus dan memantau pelaksanaan projek pelaburan awam serta mendapatkan dana asing. Ia juga bertanggungjawab melaksanakan sebahagian besar daripada projek pembinaan semula Lubnan selain menjadi

penyelarasan kepada institusi-institusi lain yang terbabit.

Berikutan Persidangan Paris II di Paris tahun lalu, Malaysia menawarkan

RM1.14 bilion (AS\$300 juta), sumbangan ketiga terbesar daripada negara penyumbang untuk pembangunan semula Lubnan berbanding Arab Saudi RM2.66 bilion (AS\$700 juta) dan Perancis RM1.9 bilion (AS\$500 juta). Sebuah syarikat Lubnan bagi Pembangunan dan Pembinaan Semula Wilayah Tengah Beirut (Solidere) diwujudkan pada 1994 untuk menjalankan tugas membangunkan sekitar Beirut terutamanya di kawasan yang musnah akibat peperangan berpandukan kepada satu pelan induk dengan modal saham RM6.27 bilion (AS\$1.65 juta).

Sebahagian besar tugas Solidere dilaksanakan di bahagian Wilayah Tengah Beirut (BCD). Sedikit demi sedikit, kesan perang sudah pun hilang di Beirut. Bangunan baru yang indah sudah pun dibangunkan semula menggantikan pemandangan yang menjolok mata kesan peperangan yang sia-sia.

Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Lubnan baru-baru ini bukan saja memberi sokongan moral kepada negara itu, malah beliau melihat sendiri kemajuan dalam pembangunan semula negara itu. Hariri sendiri mengundang supaya pemaju Malaysia merebut peluang menerusi projek pengswastan bagi membantu membangunkan semula Lubnan.